

Calon bertanding dijangka makin ramai

BH 15 FEB 2000

KUALA LUMPUR, Isnin - Jumlah calon yang menawarkan diri dan dicalonkan untuk bertanding pelbagai jawatan dalam Umno pada pemilihan Mei ini, dijangka lebih banyak berbanding 1996.

Sehingga hari ini, seramai 115 calon sudah menawarkan diri atau diperakui untuk dicalonkan meskipun perhimpunan agung parti hanya akan diadakan kira-kira tiga bulan lagi.

Pada pemilihan 1996, seramai 185 calon bertanding. Pada musim ini, keghairahan untuk bertanding semakin jelas meskipun pencalonan rasmi hanya akan boleh dilakukan apabila 165 bahagian memulakan mesyuarat pada 1 Mac sehingga 30 April ini.

Mesyuarat membabitkan kira-kira 6,000 cawangan sedang diadakan di seluruh negara sehingga 29 Februari ini.

Bagaimanapun, tidak semua yang menawarkan diri atau dicalonkan itu secara automatik boleh bertanding kerana kelayakan mereka bergantung kepada jumlah pencalonan diterima.

Bagi jawatan Majlis Tertinggi (MT) misalnya, mereka perlu mendapat sekurang-kurangnya 10 peratus pencalonan daripada bahagian Umno, Naib Presiden (20 peratus), Timbalan Presiden (25 peratus) dan Presiden (30 peratus). Begitu juga bagi jawatan dalam pergerakan Pemuda dan Wanita.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob sebelum ini pernah menyatakan bahawa semua pemimpin Umno boleh menawarkan diri untuk bertanding tetapi mesti mendapat pencalonan bahagian sebelum diputuskan secara muktamad oleh MT.

Jumlah mereka yang menawarkan diri untuk bertanding meningkat setiap hari khususnya bagi merebut 25 jawatan MT dan 20 jawatan Exco Pemuda.

Antara yang terbaru untuk jawatan MT ialah Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Seri, Fadzil Hanafi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Kedah dan Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman.

Di Kota Bharu, Ketua Umno bahagian Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali hari ini menyatakan kesediaannya bertanding jawatan MT Umno, sekali gus mempertahankan jawatan yang disandang selama dua penggal itu.

Beliau mengumumkan keputusan itu selepas dimaklumkan secara rasmi oleh Umno bahagian berhubung pencalonan yang diterima daripada mesyuarat Umno cawangan yang berakhir 24 Januari lalu.

Ibrahim yang juga ahli MT yang dilantik berkata, berdasarkan maklumat rasmi itu, semua 148 Umno cawangan bahagian berkenaan mencalonkan beliau untuk bertanding jawatan MT, Mei ini dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti.

"Sebelum ini saya sudah menyatakan kesediaan untuk bertanding itu sekiranya mendapat pencalonan daripada ahli atau perwakilan. Kini keputusan itu sudah diperolehi dan saya akan bertanding," katanya.

Ibrahim adalah antara lima pemimpin Umno di Kelantan yang memegang jawatan ahli MT. Beliau dilantik selama dua penggal oleh Dr Mahathir.

Sementara itu, Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman hari ini mengesahkan bertanding jawatan MT Umno.

Dalam satu kenyataan di Labuan, Suhaili yang juga Bendahari Umno Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkata beliau sudah mendapat pencalonan dari beberapa bahagian termasuk di Labuan.